

## **Malaysia memerlukan Pelan Mitigasi dan Adaptasi untuk menghadapi Perubahan Iklim**

**Suatu pelan untuk mengadaptasi, tanpa pelan mitigasi serupa menuang air ke luar bilik yang banjir tanpa menutup paip.**

**KUALA LUMPUR:** Greenpeace Malaysia mengalu-alukan pengumuman daripada Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob bahawa kerajaan akan merangka [Pelan Adaptasi Kebangsaan \(MyNAP\)](#) yang berkaitan dengan kesan perubahan iklim. Kesan perubahan iklim menyebabkan kerugian ekonomi yang ketara bagi Malaysia, menjejaskan infrastruktur dan usaha pembangunan, serta memberi kesan kepada mata pencarian rakyat. Kita menyaksikan ini pada Disember 2021 yang lalu, apabila banjir yang melanda beberapa negeri meragut nyawa 55 rakyat, [menjejaskan 125.000 orang](#), [merosakkan 50.000 kereta](#), dan mengakibatkan [kira-kira RM2.6 bilion kerugian oleh kerosakan harta benda](#).

Untuk menangani cabaran ini dan bergerak ke arah menjadi berdaya tahan iklim, kerajaan juga mesti mengutamakan peralihan kepada ekonomi rendah karbon. Kerajaan mesti mengutamakan peralihan kepada ekonomi karbon yang rendah untuk menangani cabaran ini dan bergerak ke arah menjadi negara yang berdaya tahan perubahan iklim.

Ini bermakna bukan sahaja adaptasi terhadap perubahan iklim, tetapi mengurangkan atau pencegahan pelepasan gas rumah hijau (GHG) dengan peralihan daripada penggunaan bahan api fosil, kepada sumber tenaga yang boleh diperbaharui (RE). Cadangan seperti penggunaan kenderaan elektrik (EV), tidak akan mengurangkan pelepasan GHG dengan berkesan, tanpa peralihan kepada sumber tenaga yang bersih.

[Kajian baru](#) yang dikeluarkan oleh Centre for Research on Energy and Clean Air (CREA) dan Greenpeace Malaysia melaporkan bahawa kerugian ekonomi pada tahun 2019 sahaja menghampiri RM303 bilion (US\$73 bilion) disebabkan oleh pencemaran udara ambien, kebanyakannya daripada loji janakuasa dan aktiviti perindustrian. Lebih teruk lagi ialah anggaran 32,000 orang mati setiap tahun akibat pencemaran udara di negara ini. Tetapi kematian ini boleh dielakkan. Tebatan Perubahan Iklim akan membolehkan pihak berkuasa melaksanakan sasaran dan dasar yang lebih bercita-cita tinggi untuk udara yang bersih.

Mitigasi juga melibatkan perubahan untuk menjadikan peralatan dan bangunan lama lebih cekap tenaga, mengubah amalan pengurusan dan tingkah laku pengguna, serta mereka bentuk semula ruang bandar dan sistem pengangkutan. Ia akan memerlukan usaha daripada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan untuk meneliti perancangan bandar dan bandaraya, pelan struktur negeri, rancangan tempatan, dan juga reka bentuk bangunan dari segi lampu elektrik dan sistem pengurusan suhu.

Tambahan pula, kita perlu menghentikan penebangan hutan, dan memulihkan habitat semula jadi yang mempunyai peranan kritikal dalam proses menangkap karbon. [Kajian](#) juga telah mengaitkan penebangan hutan dengan peningkatan kadar banjir di Malaysia, dan [audit rancangan bandar Kuala Lumpur](#) yang terkini menunjukkan bahawa projek-projek pembangunan telah menyebabkan kerap banjir kilat dan kesesakan jalan raya. Ini menarik perhatian kepada keperluan mendesak untuk bukan sahaja menamatkan penebangan hutan, tetapi juga meningkatkan usaha penghutan semula dan pengukuhan perancangan bandar untuk memastikan lebih banyak tumbuh-tumbuhan bandar dilindungi dan diperluaskan.

Malaysia memerlukan Pelan Mitigasi dan Adaptasi terhadap perubahan iklim - kedua-duanya sama penting. Suatu pelan adaptasi tanpa pelan mitigasi serupa menuang air ke luar bilik yang banjir, tanpa menutup paip. Lebih lagi kita mengabaikan rancangan mitigasi hari ini, lebih ramai orang akan menderita, dan kos untuk adaptasi akan meningkat manakala keberkesanannya pada masa hadapan akan berkurang.

Dikeluarkan oleh: Greenpeace Malaysia

**Media contact:**

**Yvonne Nathan, Digital and Media Campaigner, Greenpeace Southeast Asia (Malaysia),**  
yvonne.nathan@greenpeace.org